

23 OCT 1998

Mahathir-Belanjawan

MAHATHIR BENTANGKAN BELANJAWAN PULIHKAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Malaysia, yang mengalami kelembapan ekonomi yang pertama dalam tempoh 10 tahun, hari ini membentangkan belanjawan berhemat bagi tahun 1999 tetapi memperkenalkan langkah-langkah baru untuk mencergaskan aktiviti ekonomi dan melindunginya daripada kesan jangkitan krisis kewangan serantau.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan belanjawan itu, yang pertama baginya, berkata ekonomi akan dipulihkan menerusi langkah menggalakkan pertumbuhan, mencergaskan kegiatan perniagaan dan mempertingkatkan tahap pengurusan sektor awam dan swasta.

Belanjawan tahun depan mencatatkan defisit sebanyak RM16.635 bilion, yang pertama dalam tempoh sedekad ini, berlatar-belakangkan penurunan hasil kerajaan Persekutuan sebanyak 14.3 peratus kepada RM47.160 bilion, iaitu yang terendah dalam tempoh lima tahun ini.

Belanjawan tahun depan berjumlah RM65.095 bilion, berkurangan 9.3 peratus daripada tahun ini.

Daripada jumlah itu, RM47.042 bilion adalah bagi perbelanjaan mengurus dan RM18.053 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Mereka yang merokok, meminum minuman keras dan berjudi kini membayar lebih mulai hari ini apabila Dr Mahathir menaikkan duti bagi rokok dan keluaran tembakau yang lain serta semua jenis minuman keras, cukai perjudian dan duti keuntungan kasino.

Katanya langkah ini perlu sebagai langkah berterusan ke arah usaha kerajaan untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan mengurangkan gejala sosial.

Dr Mahathir juga memperkenalkan inisiatif baru untuk membangunkan sektor pelancongan dalam negeri dengan mencadangkan supaya satu hari Sabtu setiap bulan dijadikan cuti bagi sektor awam mulai Januari tahun depan.

"Sektor swasta juga dialu-alukan untuk mengambil tindakan yang serupa," kata Perdana Menteri, sambil menambah bilangan jam berkerja bagi hari berkenaan diganti dengan bekerja lebih masa pada hari bekerja lain.

Tidak seperti belanjawan 1997 dan 1998 yang memberi bonus sebulan kepada kakitangan awam, Dr Mahathir tidak mengumumkan apa-apa bonus kali ini.

Dr Mahathir merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada kesatuan-kesatuan sekerja kerana memahami yang negara mengalami masalah ekonomi dan tidak menuntut kenaikan gaji.

"Kerajaan amat menghargai sikap kesatuan-kesatuan sekerja yang memahami keadaan gawat yang dihadapi negara dan bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan dalam menangani segala rintangan terhadap usaha memulihkan semula ekonomi."

"Tidak seperti di negara-negara lain, pekerja Malaysia dan kesatuan-kesatuan mereka tidak sengaja membuat tuntutan-tuntutan yang keterlaluan pada masa ini, walaupun mereka terpaksa menghadapi kesulitan dalam kehidupan harian. Terima Kasih saya ucapkan kepada mereka," katanya.

Dr Mahathir mengambil masa hampir dua jam untuk menyampaikan ucapan Belanjawan sementara pasukan polis anti-rusuhan berkawal di luar kawasan parlimen, berjaga-jaga sekiranya penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim berarak dari Masjid Negara ke Parlimen selepas solat Jumaat. Perarakan itu tidak menjadi kenyataan.

Dr Mahathir juga mengumumkan langkah-langkah untuk mempermoden dan memperkemaskan sistem pentadbiran cukai negara. Pada masa ini cukai

pendapatan ditaksirkan berasaskan kepada pendapatan tahun sebelum dan mengikut sistem taksiran formal yang dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Mengikut sistem pentadbiran cukai yang dipermodenkan, taksiran cukai berasaskan tahun sebelum, dipinda kepada sistem cukai berasaskan tahun semasa bermula pada tahun 2000 dan pendapatan pada tahun 1999 tidak dikenakan cukai.

Manakala kerugian bagi tahun tersebut dibenarkan dibawa ke tahun berikut dan Sistem Taksiran Formal yang diamalkan pada masa ini ditukar kepada Sistem Taksiran Sendiri secara berperingkat-peringkat.

Pelaksanaan sistem baru itu bermula tahun 2001 bagi kumpulan syarikat manakala bagi kumpulan perniagaan, perkongsian dan koperasi mulai 2003, dan kumpulan pengajian mulai 2004.

Katanya langkah itu bertujuan membolehkan pengutipan cukai dibuat dengan lebih cekap dan segera bagi memastikan aliran tunai Kerajaan menggambarkan prestasi ekonomi semasa.

Dr Mahathir juga menjadikan semua alat pendingin hawa, peti sejuk dan peti TV keluaran tempatan lebih murah mulai hari ini dengan memansuhkan duti eksais ke atasnya.

Perdana Menteri agak optimistik tetapi berhati-hati menjangka ekonomi Malaysia, yang mencatatkan pertumbuhan lebih 8 peratus selama lapan tahun berturut-turut sebelum tahun lepas, dijangka pulih menjelang akhir tahun ini.

Katanya masih wujud risiko-risiko yang boleh membawa pergolakan baru di pasaran kewangan serantau mahupun sejagat yang boleh menjejaskan permintaan luar terhadap eksport dan ekonomi negara.

Beliau menyenaraikan enam risiko tersebut seperti berikut:

- + Krisis kewangan sekarang ini merebak hampir ke seluruh dunia. Rakan perdagangan Malaysia tidak lagi mampu membeli barangan eksport negara;
- + Negara-negara yang menghadapi masalah ekonomi negara akan meningkatkan halangan perdagangan bagi melindungi hasil pengeluaran mereka;
- + Jika krisis kewangan merebak, lebih banyak negara membangun akan memerlukan pinjaman untuk mengatasi kegawatan ekonomi. Ini akan memaksa Malaysia bersaing bagi mendapatkan pinjaman dari luar negeri pada kos yang munasabah;
- + Kemungkinan Amerika Syarikat mengalami "financial meltdown". Ini akan menjadikan Amerika pasaran yang lemah;
- + Pengguna Jepun, masih tidak yakin akan pemulihan ekonomi negara mereka dan ini melembapkan permintaan dari Jepun, satu-satunya pasaran besar bagi Malaysia; dan
- + Hong Kong dan China juga mengalami tekanan yang kuat. Dolar Hong Kong diserang dengan kuatnya oleh pedagang matawang. Dalam usahanya mempertahankan nilai Hong Kong Dolar, ekonomi Hong Kong telah terjejas dan menjadi lembap. China juga mempunyai masalah kurang daya saing akibat Yuan menjadi terlalu kuat.

Mengenai langkah Malaysia melindungi ekonominya daripada kesan-kesan luaran yang diperkenalkan bulan lepas -- menetapkan ringgit pada RM3.80 pada satu dollar US dan menjadikan ringgit tidak laku ditukar di luar negara -- Dr Mahathir berkata kerajaan tidak berniat untuk melaksanakan langkah kawalan ini secara kekal.

Katanya kawalan-kawalan itu akan ditamatkan apabila keadaan pasaran kewangan antarabangsa kembali pulih dan masyarakat antarabangsa bersepakat mengambil langkah-langkah untuk menyusun semula sistem pasaran kewangan global.

"Tidak ada sebab mengapa masyarakat antarabangsa perlu bimbang dan mempertikaikan tindakan Malaysia. Malah, Malaysia masih komited kepada mekanisme pasaran dan proses liberalisasi yang teratur,"

Dr Mahathir juga mencadangkan insentif cukai bagi menggalakkan penggunaan optimum kemudahan yang dibina dengan perbelanjaan besar terutama untuk Sukan Komanwel bulan lepas seperti Kompleks Sukan Nasional, Bukit Jalil, dan Dewan Filharmonik Petronas yang bertaraf antarabangsa milik Petronas.

Katanya kemudahan-kemudahan itu, Panggung Negara dan Balai Seni Lukis Negara dibina dengan belanja berjumlah RM1.66 bilion.

Syarikat yang beroperasi di Zon Perindustrian Bebas atau sebagai Gudang Pengilang Berlesen, diberi kemudahan pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas berangan yang dijual di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil melalui pesta jualan yang diluluskan.

Perdana Menteri juga mengulas mengenai bantahan-bantahan anti kerajaan di ibu kota berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kabinet bulan lepas.

"Amat malang sekali apabila percubaan dibuat untuk mengadakan melalui 'mob-rule' dengan mengadakan tunjuk perasaan dan rusuhan. Adakah ini bentuk reformasi yang hendak diperkenalkan?"

"Adakah penggantian proses undang-undang dan demokrasi dengan 'mob-law', dengan huru-hara, dengan memburukkan imej dan keadaan dalam negara, merupakan jenis reformasi yang hendak diamalkan di Malaysia yang tercinta ini?" tanya beliau.

"Jika kita berpendapat kepimpinan negara perlu ditukar kita boleh melakukannya melalui pilihan raya," kata beliau.

Merujuk kepada tindakan beberapa orang bekas anggota Umno penyokong Anwar yang ke luar negara untuk mencari sokongan, Dr Mahathir berkata mereka tidak patriotik kerana memburuk-burukkan negara sendiri dan mendapatkan sokongan daripada mereka yang menghina proses undang-undang dan kebebasan negara ini.

Beliau menamatkan ucapannya dengan berkata daripada segi pembangunan dan kemudahan infrastruktur, Malaysia hampir setaraf dengan negara-negara maju, termasuk memiliki sebuah lapangan terbang yang canggih dan cantik dan bangunan pencakar langit tertinggi di dunia.

"Saya yakin, insya-Allah, dengan sikap yang ada kepada majoriti rakyat dan pendekatan yang telah dicipta oleh Kerajaan yang demokratik dan adil, negara kita akan dapat dipulihkan semula dan dengan itu usaha untuk menjajah kita semula akan gagal.

"Belanjawan ini adalah satu daripada usaha kita untuk mengekalkan kemerdekaan dan memulihkan ekonomi negara tercinta ini," kata beliau.

-- BERNAMA

AU ZKS NMO